

TEKNIKAL KEBANGSAAN

Laporan Tahunan



2005

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

LG
173
.M44
.K64
2005
raf
n2


ISI KANDUNGAN



VISI, MISI, MOTO	1
OBJEKTIF, DASAR KUALITI	4
KUTKM SEPINTAS LALU	3
CANSELOR KUTKM	5
PERUTUSAN PENGURUSI	6
LAPORAN REKTOR	8
PEMBANGUNAN AKADEMIK	11
PENYELIDIKAN INOVASI	14
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	18
PEMBANGUNAN PELAJAR	21
PRASARANA DAN KEMUDAHAN	23
PENGURUSAN KEWANGAN	25
PERISTIWA SEPANJANG 2005	27
LAPORAN KEWANGAN	32
PROSPEK PERANCANGAN 2006	35
PENGURUSAN KUTKM	37
PENYATA KEWANGAN	40



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



VISI

Menjadi Universiti Teknikal Yang Kreatif Dan Inovatif Terkemuka Di Dunia

MISI

Melahirkan Ahli Profesional Yang Bersahsiah Murni, Kompeten Dan Berketerampilan Tinggi Melalui Pendidikan Universiti Teknikal Berkualiti Dan Bertaraf Dunia Berteraskan Pengajaran, Pembelajaran Dan Penyelidikan Berorientasikan Aplikasi Serta Perkongsian Pintar Universiti-industri

Sejajar Dengan Aspirasi Negara



OBJEKTIF

- Menjadikan sebuah Organisasi Pembelajaran Dan Keilmuan Yang Kreatif Dan Inovatif
- Menawarkan Program Akademik Dalam Bidang Kejuruteraan Dan Teknologi Berorientasikan Aplikasi Dan Amalan
- Menerajui Aktiviti Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersilan/Inovasi Dan Perundingan Yang Berlandaskan Keperluan Industri
- Melahirkan Graduan Yang Kompeten Dan Bersahsiah Murni Yang Menjadi Pilihan Utama Industri
- Mepunyai Staf Yang Kompeten Dan Berkelayakan Tinggi Serta Memiliki Pengalaman Praktikal Yang Luas
- Memainkan Peranan Berkesan Sebagai Penggerak Kepada Pembanguna Perindustrian Negara
- Mengadakan Kerjasama Dan Perkongsian Pintar Universiti-Industri
- Mengadakan Prasarana Dan Persekutuan Yang Kondusif Untuk Menjana Dan Mengelakkan Kecemerlangan
- Melaksanakan penggunaan ICT Secara Menyeluruh dan Meluas Dalam Aktiviti Akademik Dan Pengurusan Univeristi

DASAR KUALITI

Semua warga KUTKM berlitzam memberi perkhidmatan, pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan perkhidmatan masyarakat yang berkualiti dan berusaha ke arah penambahbaikan yang berterusan



KUTKM SEPINTAS LALU

- Ditubuhkan pada 1 Disember 2000 sebagai IPTA yang ke-14
- Mempunyai Kampus Industri yang menempatkan operasi utama universiti dan Kampus Tetap di Durian Tunggal yang menempatkan dua fakulti buat masa ini.
- Merupakan IPTA Teknikal yang pertama di Malaysia.
- Mengamalkan sistem pengajaran dan pembelajaran berorientasikan aplikasi dan amalan.
- Mempunyai rakan strategik yang antara lain termasuk Coventry University, Technical University of Berlin, DRB-Hicom Berhad, CTRM, Cubic Electronics, KRU Berhad, MRJ Technologies Sdn Bhd dan Robomatics Sdn Bhd.
- Mempunyai Pusat Pembuatan Termaju (*Advanced Manufacturing Centre*) dan KUTKM-MAHR *Collaboration Centre*
- Menubuhkan KUTKM Holdings Sdn. Bhd. (KHSB)
- Melahirkan seramai 472 graduan pada Konvokesyen Pertama
- Mempunyai jumlah pelajar seperti berikut:

Peringkat	Jumlah
Diploma	755
Ijazah Sarjana Muda	3,796
Ijazah Sarjana	65
Doktor Falsafah	19
Jumlah Besar	4,635

- Mempunyai jumlah keseluruhan staf mengikut kategori perjawatan:

Kategori	Jumlah
Akademik	455
Pengurusan Profesional	101
Sokongan	489
Jumlah	1,045

11. Aspek kewangan

Perbelanjaan mengurus 2005 adalah RM 98,135,303 dan perbelanjaan pembangunan adalah RM 73,775,178. Perbelanjaan mengurus dibiayai oleh peruntukan kerajaan sejumlah RM92,523,800 serta pendapatan yang dijana dari pendapatan lain. Pendapatan yang dijana universiti melalui kutipan yuran, sewaan dan hasil-hasil lain adalah sebanyak RM13,066,438.

Komponen perbelanjaan mengurus

Komponen	RM	(%)
Emolumen	28,799,440	28
Perkhidmatan dan Bekalan	55,621,965	54
Pemberian dan Bayaran Tetap	4,826,708	4.6
Perbelanjaan Lain	714,144	0.6
Aset dan Pembinaan Dalam Kemajuan	8,173,046	12.8
Jumlah	98,135,303	100%





CANSELOR

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka
Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil Bin Yaakob
S.M.N., D.U.N.M., S.U.M.Z., S.J.M.K., S.S.A.P., P.S.M., S.I.M.P., S.P.D.K., D.P.,
D.S.A.P., J.S.M., S.M.P., G.C.O.M. (GER)



PERUTUSAN PENGERUSI



Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan rasa bangga dan penghargaan kepada seluruh warga Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) di atas komitmen dan sumbangan yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2005.

Banyak pencapaian memberansangkan telah berjaya dicapai hasil kerjasama padu semua warga KUTKM. Antara pencapaian berkenaan adalah penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2000, pengiktirafan program-program Diploma dan Ijazah Pertama KUTKM oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pengakreditasi dua program kejuruteraan oleh Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC). Seterusnya universiti telah berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM dan beberapa lagi yang tidak dapat saya sebut satu persatu di sini.

Tujuan saya menyebut pencapaian ini adalah untuk menegaskan bahawa KUTKM telah melepassi fasa pertama pembangunannya. Kejayaan ini adalah merupakan hasil usaha yang gigih dan komitmen yang tinggi yang diberikan oleh semua warga universiti.

Namun begitu, kejayaan yang dicapai ini tidak seharusnya mewujudkan perasaan terlalu selesa kerana banyak lagi perkara yang perlu dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi KUTKM. Justeru usaha mengukuhkan asas kecemerlangan universiti perlu dilipatgandakan terutama dari segi pembangunan tenaga akademik.

Saya difahamkan usaha ke arah ini telah dan sedang dilakukan melalui penghantaran tenaga akademik melanjutkan pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi seperti Sarjana dan Doktor Falsafah dalam dan luar negara. Diharapkan langkah ini akan membolehkan usaha membangunkan kepakaran akademik yang bersumberkan ilmu pengetahuan dan teknologi terkini akan membolehkan KUTKM terus membina kecemerlangan.

Ini kerana cabaran membangunkan modal insan berkualiti yang mempunyai *towering personality* atau personaliti unggul seperti yang digagaskan oleh kepimpinan Negara harus disahut oleh seluruh warga KUTKM. Sebagai sebuah gedung ilmu yang memiliki sarjana dan intelektual yang pakar dalam pelbagai bidang, amat tepat sekali usaha ini bermula di KUTKM.

Konvokesyen Pertama KUTKM merupakan titik tolak kepada penentuan sumbangan KUTKM ke arah melahirkan modal insan yang diperlukan negara. Melalui maklum balas daripada pihak industri, saya difahamkan bahawa pihak industri merasa gembira dengan kualiti graduan KUTKM. Walaupun begitu, saya percaya pencapaian ini masih boleh dipertingkatkan supaya graduan KUTKM menjadi rebutan majikan.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Mohd Khalil bin Yaakob, Yang Di-Pertua Negeri Melaka di atas pelantikan beliau sebagai Canselor Kedua KUTKM. Seluruh warga KUTKM merasa amat berbangga kerana memiliki seorang pemimpin berkaliber seperti Tuan Yang Terutama Tun, apatah lagi beliau memang dikenali sebagai seorang pemimpin yang memiliki pengalaman pentadbiran yang luas di peringkat negara dan antarabangsa.

Seluruh warga KUTKM berharap beliau dapat mencurahkan segala ilmu dan pengalaman yang beliau miliki serta membantu mengemudikan KUTKM supaya universiti ini terus cemerlang, gemilang dan terbilang seperti yang diungkapkan dalam lagu KUTKM.

Akhir sekali, syabas dan tahniah sekali lagi buat seluruh warga KUTKM atas pencapaian KUTKM sepanjang 2005. Teruskan usaha untuk mengukuhkan asas kecemerlangan KUTKM.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Sri Mohd Salleh bin Sulong

Pengerusi

Lembaga Pengarah KUTKM

LAPORAN REKTOR

Terlebih dahulu saya sebagai Rektor mengucapkan jutaan terima kasih kepada warga universiti kerana telah bekerja bersama saya bagi mencapai kecemerlangan universiti. Kini KUTKM telah berada pada landasan yang terbaik bagi memacu kejayaan yang berganda dari tahun-tahun yang telah dilalui.


Asas pembangunan universiti adalah pada tahap yang membanggakan. KUTKM telah membuktikan kecemerlangannya dengan mencapai banyak kejayaan sepanjang tahun 2005. Ini adalah berkat usaha yang bersungguh-sungguh, perancangan yang teliti dan kawalan pelaksanaan yang menyeluruh serta semangat berpasukan jitu yang ditunjukkan oleh seluruh warga universiti.

Pengurusan tertinggi KUTKM telah berusaha sedaya upaya untuk membuat keputusan yang terbaik dari aspek akademik, pentadbiran dan sebagainya. Keputusan-keputusan ini kemudian disampaikan kepada semua staf supaya ia menjadi satu nilai yang dikongsi bersama. Pendekatan sebegini diperlukan bagi membolehkan staf memahami secara objektif keputusan yang dibuat oleh pengurusan tertinggi dan menterjemahkannya kepada kejayaan yang maksimum.

Secara keseluruhannya ramuan untuk mencapai visi dan misi KUTKM jelas terpancar sepanjang tahun 2005. Kejayaan yang telah dicapai perlu dijadikan pendorong untuk mencatat lebih banyak kejayaan pada masa akan datang manakala kelemahan yang telah dikenal pasti perlu dijadikan panduan bagi memperbaiki tindakan di masa akan datang.

Akademik

Bidang akademik adalah teras utama penubuhan KUTKM. Beberapa pencapaian yang memberangsangkan telah dilakarkan pada 2005. Penganugerahan sijil MS ISO



9001:2000 dalam skop pengajaran dan pembelajaran pada 4 Februari 2005 merupakan detik bersejarah dalam hayat muda KUTKM. Warga universiti telah meletakkan segala usaha, tenaga dan masa bagi memperkemas dan memperkuuhkan kualiti pengajaran dan pembelajaran supaya ia dapat meningkatkan kecemerlangan dalam bidang ini.

Kesungguhan ini juga membolehkan KUTKM mendapat pengiktirafan dari Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) untuk program peringkat ijazah iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektrik Kuasa) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Industri). Ia adalah kesinambungan daripada pengiktirafan yang telah diterima untuk program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kejuruteraan serta teknologi maklumat dan komunikasi oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA).

Pada tahun ini juga KUTKM telah mengadakan Majlis Konvokesyen Pertama yang disambut dengan jayanya. Seramai 472 pelajar telah dianugerahkan kelayakan akademik masing-masing terdiri daripada seorang pelajar Ijazah Sarjana, 240 pelajar Ijazah Pertama dan 231 pelajar Diploma. Usaha mengesan keupayaan graduan KUTKM dalam mendapatkan pekerjaan telah dilakukan. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, lebih 70% daripada mereka sudah memperolehi pekerjaan.

Di samping itu, aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (P & P) sentiasa dipertingkatkan supaya dapat merangsang pencapaian pelajar. Dalam hal ini, Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PKPP) berperanan penting untuk menganjurkan pelbagai kursus dan latihan supaya staf akademik dapat memahami dan mendalami P & P berkonsepkan aplikasi dan amalan.

Penjanaan ilmu baru dan terkini juga giat dijalankan melalui aktiviti Penyelidikan dan Pembangunan (R & D). Pada 2005 sebanyak RM1,528,965.44 telah diperuntukkan bagi pelaksanaan 104 projek. KUTKM juga telah menyertai pameran dan pertandingan R&D pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Melalui penyertaan ini, beberapa kejayaan telah diraih. Antaranya ialah penyertaan projek *Air Pressure Plug* yang memenangi pingat emas di 16th International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition 2005 (ITEX '05).

Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia

Sebagai sebuah institusi keilmuan, tenaga akademik yang berkualiti sentiasa menjadi keutamaan KUTKM. Jumlah staf akademik pada tahun 2005 adalah seramai 452 orang.

Daripada bilangan ini, seramai 27 orang telah dihantar menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah dan 40 orang pada peringkat sarjana sama ada di dalam dan luar negara. Ia adalah selaras dengan sasaran universiti untuk

mencapai 50 peratus staf akademik memiliki doktor falsafah pada 2010.

Pembangunan staf pentadbiran juga sentiasa diberikan perhatian serius untuk meningkatkan kecekapan pengurusan. Untuk itu pelbagai latihan dan kemahiran sama ada berbentuk kursus, taklimat dan bengkel telah dianjurkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Antara latihan yang dianjurkan secara dalaman ialah kemahiran teknologi maklumat, komunikasi berkesan, penampilan diri, kefahaman arahan pentadbiran dan sebagainya.

Bagi melicinkan lagi pengurusan di peringkat tertinggi, pelaksanaan mesyuarat secara elektronik (*e-meeting*) telah dilaksanakan. Dua mesyuarat utama universiti iaitu Mesyuarat Eksekutif Universiti dan Mesyuarat Senat Universiti telah dilaksanakan secara elektronik. Ia telah meningkatkan penguasaan dan kecekapan teknologi yang secara tidak langsung mengarah kepada *paperless system*. Kejayaan ini akan menggerakkan lebih banyak sistem pengurusan secara elektronik untuk memberi gambaran positif terhadap imej KUTKM sebagai universiti teknikal yang terkehadapan.

Pembangunan Fizikal

KUTKM telah menyusun semula keperluan dan kemudahan ruang pengajaran dan pembelajaran serta pentadbiran universiti dari lokasi rumah kedai di Taman Tasik Utama ke Kampus Industri di kompleks Cubic Electronics pada Ogos 2005. Ia dilakukan untuk memberi keselesaan serta menjamin keselamatan warga universiti. Di samping itu juga ia telah memberi imej yang lebih baik kepada KUTKM bagi menarik minat pelajar melanjutkan pengajian di universiti ini.

Bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) di Kampus Tetap Durian Tunggal telah siap dibina dan diduduki pada Mei 2005. Serentak dengan beroperasinya Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan

Komputer (FKEKK) di Kampus Tetap, beberapa kemudahan asas telah disediakan seperti perpustakaan, makmal dan juga kafeteria bagi membolehkan urusan pembelajaran dan pentadbiran berjalan dengan lancar serta dapat memberi suasana yang lebih kondusif.

Pembangunan Kampus Tetap masih lagi pada peringkat 39.5% keseluruhan pembinaannya. Walaupun begitu pihak universiti sentiasa berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik dan selesa kepada pelajar dan staf di sana sehingga pembangunannya disiapkan sepenuhnya melalui peruntukan yang dimohon dalam Rancangan Malaysia Ke-9 (RMK 9).

Pembangunan Pelajar

Pelajar KUTKM sentiasa aktif terlibat dalam aktiviti luar sama ada yang dianjurkan sendiri oleh pihak universiti khususnya melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni maupun oleh universiti dan agensi lain. Penglibatan pelajar pada tahun 2005 adalah menyeluruh iaitu penglibatan dalam program khidmat masyarakat, kebudayaan, sukan, riadah dan sebagainya. Antara program yang telah diadakan ialah Program Bakti Siswa, Detik Ambang Kemerdekaan, Kursus Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Kursus Kenegaraan Biro Tatanegara (BTN). Matlamatnya ialah melahirkan modal insan yang sihat fizikal dan seimbang dari segi pengetahuan, jati diri dan sahsiah .

Banyak pencapaian yang telah diperolehi oleh pelajar sepanjang tahun 2005 antaranya ialah naib johan kumpulan bagi pertandingan bola sepak Liga Universiti (UNI League 2004/2005), naib johan *triples and pairs* dalam sukan lawn bowl di Kejohanan Sukan Melaka Lawn Bowls 2005, naib johan Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Combat KUITTHO dan banyak lagi.

Kewangan

Sistem Kewangan Bersepadu telah diperkemas dan dipertingkat bagi memastikan pengurusan sistem kewangan universiti adalah cekap. Pada tahun ini modul pembayaran gaji dilaksanakan secara berkomputer di samping beberapa modul lain diperkemaskan aplikasi penggunaannya seperti modul pembayaran, terimaan, biasiswa dan terimaan . Di samping itu penggunaan kewangan universiti juga diperketatkan bagi mengelak pembaziran dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber kewangan.

Pendapatan mengurus 2005 adalah RM105,590,238 dan daripada jumlah ini, RM92,523,800 (87.63%) adalah pemberian kerajaan dan bakinya RM13,066,438 (12.37%) adalah daripada pelbagai sumber seperti yuran pengajian, sewaan dan pelbagai pendapatan lain. Perbelanjaan mengurus 2005 berjumlah RM98, 135,303, termasuk pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan berjumlah RM8, 173,046.

Sejumlah RM1.0 juta daripada lebihan terkumpul peruntukan mengurus telah dipindahkan ke Kumpulan Wang Penyelidikan pada tahun 2005 bagi menampung keperluan sebanyak RM1.5 juta yang diperuntukkan bagi aktiviti penyelidikan akademik Universiti.


Kesemua pencapaian ini perlu dipertingkatkan lagi dengan mengenepikan sikap mudah berpuas hati dengan kejayaan yang diperolehi. Kita perlu menyediakan asas yang kukuh bagi mencapai lebih banyak kecemerlangan pada masa depan. Saya akan memastikan perancangan yang teliti dibuat, semangat kerja berpasukan dipereratkan dan segala pelaksanaan dipantau supaya hasil terbaik dapat diperolehi.

Sekali lagi terima kasih kepada semua warga KUTKM atas kerja kuat yang telah dilakukan.

Sekian, terima kasih

**Datuk Profesor Ismail bin Hassan
Rektor**

PEMBANGUNAN AKADEMIK



Pengenalan

Pembangunan akademik adalah elemen utama ke arah pengukuhan asas kecemerlangan KUTKM. Pelbagai usaha dilaksanakan secara berterusan seperti pembangunan program akademik, pengambilan pelajar, pengajaran dan pembelajaran serta kerjasama strategik dengan pihak luar.

Sehingga Disember 2005, KUTKM mempunyai seramai 4635 pelajar yang terdiri daripada 755 pelajar Diploma dan 3796 pelajar Sarjana Muda manakala seramai 65 orang mengikuti program Sarjana dan 19 orang mengikuti program Doktor Falsafah di KUTKM.

Program Akademik

KUTKM kini terdiri daripada lima buah Fakulti dan enam Pusat yang berteraskan akademik. Sebanyak 25 program akademik ditawarkan iaitu lima program Diploma dan 20 program Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, KUTKM turut menawarkan program Sarjana dan Doktor Falsafah secara penyelidikan. Seterusnya pada penghujung 2005, program Sarjana Pentadbiran Perniagaan mula ditawarkan.

KUTKM merancang untuk mempunyai seramai 10,000 orang pelajar pada tahun 2010. Bagi membantu universiti mencapai sasaran tersebut, Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa (PPKA) dengan kerjasama Bahagian Pengurusan Akademik serta Fakulti telah melakukan sejumlah 115 pameran, bengkel, ceramah dan promosi KUTKM di pelbagai tempat sepanjang tahun 2005. Kumpulan sasaran utama usaha-usaha ini adalah pelajar-pelajar matrikulasi dan politeknik di seluruh negara.

Bilangan Pelajar

Bilangan pelajar baru yang mendaftar pada sesi akademik 2005/2006 adalah seramai 1403 orang. Daripada jumlah itu, 1353 ialah pelajar Diploma dan Sarjana Muda manakala 50 orang lagi adalah pelajar Sarjana dan Doktor Falsafah.

Pengajaran dan Pembelajaran

KUTKM telah memperoleh Persijilan MS ISO 9001: 2000 pada 4 Februari 2005 dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi skop *Design & Development of Education Programs and Provision of Education At Undergraduate Level*. Segala usaha ke arah memperkuuhkan kualiti terutama dalam penawaran program akademik telah membawa hasil apabila semua program Diploma dan Sarjana Muda Sains Komputer telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Seterusnya dokumentasi semua program kejuruteraan telahpun dihantar bagi mendapatkan pengiktirafan daripada Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC). Program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik Industri (Elektronik Industri) dan Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Kuasa Industri) berjaya mendapat pengiktirafan dari Lembaga Akreditasi Kejuruteraan Malaysia. Program-program lain masih lagi ditahap akhir proses akreditasi.

Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran (PKPP) telah membantu KUTKM meningkatkan keberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) serta membudayakan kecemerlangan dalam P&P. Antara usaha yang dilakukan ialah Sesi Penerangan Bersiri Mengenai Konsep Pendidikan Teknikal yang Berorientasikan Aplikasi dan Amalan. Selain itu, Kursus Asas Metodologi Pengajaran dan Pembelajaran, Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (Kemahiran Generik dan Amalan Instruksional) dan Kursus Latihan Penyeliaan untuk Pensyarah KUTKM turut diadakan. Secara keselurunannya, pelbagai kursus berkaitan konsep pengajaran dan pembelajaran yang diamalkan di KUTKM telah dilaksanakan.

Pemantapan Program Akademik

Bagi mempertingkatkan kualiti program akademik KUTKM, seramai 15 orang pemeriksa luar dari dalam negara dan 5 orang dari luar negara telah dilantik sepanjang 2005. Mereka telah ditugaskan untuk menilai dan memberikan khidmat nasihat berkaitan program yang sedang dijalankan di fakulti-fakulti yang berkenaan.



Senarai di bawah adalah pemeriksa-pemeriksa luar yang dilantik mengikut fakulti:

Fakulti	Nama Pemeriksa	Institusi
FKEKK	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Ir. Abdul Halim b. Mohd Yatim • Prof. Dr. Ir. Faizal b. Mohd Zain • Prof. John M. Senior • Prof. Dr. Ir. Sheikh Hussain b. Sheikh Salleh 	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Teknologi Malaysia • Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn • University of Hertfordshire • Universiti Teknologi Malaysia
FKM	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Peter Robert Scott White • Prof. Mohamad S.J Hashmi • Prof. Madya Dr. Iberahim b. Jusoh • Prof. Dr. Farid Nasir b. Haji Ani 	<ul style="list-style-type: none"> • Coventry University • University of Dublin City • Universiti Teknologi Malaysia • Universiti Teknologi Malaysia
FKP	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Dr. Ashraf Jawaid • Prof. Dr. Zahari b. Taha 	<ul style="list-style-type: none"> • Coventry University • Universiti Malaya
FKE	<ul style="list-style-type: none"> • Prof. Ir. Dr. Abdullah Asuhaimi b. Mohd. Zin • Prof Charles Silvinski 	<ul style="list-style-type: none"> • Universiti Teknologi Malaysia • University Missouri, Columbia
FTMK	<ul style="list-style-type: none"> • Dr. Mokhtar b. Mohd. Yusof • Prof. Dato Ir. Dr. Mashkuri b. Yaacob • Prof. Marzuki b. Khalid • Prof. Madya Fadzillah bt. Siraj • Prof. Zainab bt. Abu Bakar • Prof. Dr. Aziz B. Deraman • Prof. Madya Dr. Shanudin b. Zakaria • Prof. Ahmad Rafi b. Mohammad Eshag 	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian Kesihatan Malaysia • Universiti Malaya • Universiti Teknologi Malaysia • Universiti Utara Malaysia • Universiti Teknologi MARA • Universiti Kebangsaan Malaysia • Universiti Kebangsaan Malaysia • Universiti Multimedia

Kerjasama Strategik

Setelah memeterai Memorandum Persefahaman (MOU) dengan Composites Technology Research Malaysian Sdn Bhd (CTRM) pada 2004, KUTKM telah mengeratkan lagi kerjasama strategik dengan syarikat tersebut melalui Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP). Satu Memorandum Perjanjian (MOA) untuk tempoh 5 tahun telah ditandatangani kedua-dua pihak.

Perjanjian ini bertujuan untuk menjayakan program perantisan pekerja profesional dalam bidang aero-angkasa serta untuk menjalankan penyelidikan dalam bidang *lean manufacturing*. Selain itu, ia juga melengkapkan para pelajar KUTKM kepada peluang yang wujud di dalam perindustrian sekaligus sebagai platform untuk CTRM menyumbang ke arah pembangunan jurutera Malaysia.

Konvokesyen

Seramai 472 pelajar telah bergraduat di Majlis Konvokesyen Pertama pada 30 Julai 2005. Daripada jumlah ini seorang adalah pelajar Sarjana, 240 pelajar Ijazah Pertama dan 231 pelajar Diploma. Pada majlis yang sama, KUTKM telah menganugerahkan Ijazah Kehormat kepada dua tokoh iaitu Y. Bhg. Datuk Ir. (Dr) Mohd. Annas Bin Hj Mohd Nor, Pengurus Suruhanjaya Tenaga dan Prof. Dr. Ing. Eckart Uhlmann, profesor dalam bidang peralatan mesin dan Teknologi Pembuatan dari Universiti Teknikal Berlin. Penganugerahan ini adalah untuk mengiktiraf sumbangan tokoh berkenaan dalam bidang kepakaran masing-masing serta sumbangan mereka ke arah membangunkan kecemerlangan KUTKM.

PENYELIDIKAN & INOVASI

Penyelidikan dan inovasi adalah aspek penting dalam menentukan pencapaian sesebuah universiti. Sehubungan itu, KUTKM terus mengalakkan para tenaga akademiknya menjalankan penyelidikan. Sesi 2005/2006 menyaksikan bilangan projek penyelidikan jangka pendek meningkat lebih sekali ganda iaitu 104 projek berbanding dengan 44 projek pada sesi 2003/2004. Jumlah peruntukan geran penyelidikan bagi sesi ini ialah RM1,528,965.44, dan pembahagian projek penyelidikan jangka pendek adalah seperti di bawah.

Projek penyelidikan jangka pendek di fakulti/ pusat pengajaran bagi sesi 2005/2006

Bil	PUSAT/FAKULTI	2005/2006			JUMLAH
		P1	P2	P3	
1	Fakulti Kejuruteraan Elektrik	10	-	4	14
2	Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	9	6	1	16
3	Fakulti Kejuruteraan Pembuatan	10	-	9	19
4	Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer	15	1	1	17
5	Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi	5	1	4	10
6	Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan	4	-	2	6
7	Putus Perkhidmatan Akademik	13	3	2	18
8	Pusat Pengajaran Siswazah	2	-	-	2
9	Pusat Pengajaran dan Pembelajaran	1	-	-	1
10	Canselor	-	-	1	1
Jumlah Projek Penyelidikan Jangka Pendek bagi tahun 2005/2006		69	11	24	104

Sementara itu, dua orang penyelidik KUTKM masih meneruskan penyelidikan masing-masing yang dibiayai Geran Penyelidikan *Intensification in Research of Priority Areas (IRPA)* yang diterima pada tahun 2004. Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman dengan penyelidikan "Design and Implementation of Intelligent Vision-Based Automated Guided Vehicle (AGV) System" yang bernilai RM139,000 manakala Prof. Dr. Mohd Razali bin Muhamad pula dengan penyelidikan "Development of New Cutting Tools for Ultra Precision Machining" yang bernilai RM609,000

Tahun ini menyaksikan KUTKM berjaya memperolehi beberapa anugerah dalam pertandingan peringkat kebangsaan. Antara hasil penyelidikan yang membanggakan ialah "Air Pressure Plug" yang memenangi tiga anugerah di tiga pertandingan berasingan. Pada "Engineering Inventions 'N' Innovations Challenge (EINIC) 2005" yang berlangsung di Universiti Malaya, Kuala Lumpur pada 9–12 Januari 2005, rekacipta berkenaan terpilih di tempat kedua manakala pingat emas pada "16th International Invention, Innovation, Industrial Design and Technology Exhibition 2005" (ITEX'05) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur pada 17–22 Mei 2005, dan pingat gangsa pada "Expo Penyelidikan & Pembangunan (R&D) IPTA 2005", di PWTC, Kuala Lumpur pada 28 September hingga 3 Oktober 2005. Rekacipta ini diilhamkan oleh Mohd Najib bin Abdul Rahman.

Seterusnya senarai rekacipta yang memenangi anugerah adalah seperti di bawah:

Bil.	Tajuk	Ketua Penyelidik	Pingat
1.	Fault Analysis and Tutorial Software (FATS)	Prof. Dr. Marizan bin Sulaiman	Perak

R&D Expo IPTA '05 di PWTC, Kuala Lumpur

Bil.	Tajuk	Ketua Penyelidik	Pingat Dimenangi
1.	The HVAC Inspection Crawler	• Tan Chee Fai	Perak
2.	Economical Optical Waveguide Fabrication Technique Based on Ion-Exchange	• Kok Swee Leong	Gangsa
3.	Carbon Adsorbent for Natural Gas and LPG Storage in The Automobile	• Safarudin Gazali Herawan	Gangsa
4.	Obstacle Avoidance for Vision-based Automated Guide Vehicle	• Prof. Dr. Marizan Sulaiman	Gangsa
5.	(V-AGV) Using Shortes Path Planning	• Wilson Wong Yik Sen	Gangsa

Bagi memperkuuhkan pencapaian penyelidikan di KUTKM, ‘Seminar Pencapaian Penyelidikan’ telah dianjurkan dengan penyertaan daripada 41 orang penyelidik daripada kalangan staf universiti ini. Hasilnya dua buku iaitu “Prosiding Seminar Pencapaian Penyelidikan KUTKM 2005 – Menjana Penyelidikan Untuk Kecemerlangan” dan “Research Abstracts” telah diterbitkan. Dua Kursus Kaedah Penyelidikan turut dianjurkan untuk staf akademik yang akan melanjutkan pelajaran ke peringkat pasca siswazah.

Pendedahan yang diterima melalui Program Latihan Industri menunjukkan kesan yang positif dari segi kemampuan pelajar untuk mengaplikasikan pengetahuan mereka. Untuk itu Pusat Universiti Industri (UNIC) telah meningkatkan bilangan lawatan ke industri antaranya di Sarawak dan Pulau Pinang. Ia bertujuan mempromosikan KUTKM di samping membincangkan kerjasama dengan industri. Rombongan Universiti ini turut melawat “Federation of Malaysian Manufacturers” (FMM) bagi mendapatkan maklumbalas tentang keperluan industri.

PERHUBUNGAN INDUSTRI

Perhubungan KUTKM dengan industri semakin memberangsangkan. Dua tumpuan utama yang diberikan adalah program latihan industri dan kerjasama strategik. Pada tahun ini, sejumlah 1,745 pelajar Sarjana Muda dan 274 pelajar Diploma terlibat dalam Program Latihan Industri. Mereka telah menjalani latihan industri di 1,157 syarikat dan organisasi industri di seluruh negara seperti dalam jadual berikut.

Sehingga akhir 2005, KUTKM telah menandatangani lapan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan pihak industri dan badan korporat. Jawatankuasa Kerja Perhubungan Industri turut ditubuhkan untuk memantau dan memastikan pelaksanaan semua jalinan kerjasama Universiti dengan rakan industri. Pada penghujung 2005 KUTKM telah menandatangani dua Memorandum Perjanjian (MoA) dengan Composites Technology Research Malaysian (M) Sdn Bhd (CTRM) dalam penyelidikan *Lean Manufacturing* dan *CTRM Scholar*

Programme.

جامعة ماليزيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bilangan pelajar terlibat dalam Program Latihan Industri pada 2005

Bil.	Program Latihan Industri KUTKM - Sesi	Bilangan Pelajar	Bilangan Organisasi Terlibat
1	Ijazah 2004/2005	631	315
2	Diploma 2005	274	187
3	Ijazah 2005/2006	1114	655
	Jumlah	2019	1157

PERUNDINGAN

Sesuai dengan perkembangan dalam bidang perundingan Universiti dengan industri, KUTKM telah menerbitkan buku Polisi dan Garis Panduan Perundingan bagi menyeragamkan keseluruhan projek perundingan di Universiti. Projek perundingan yang dilaksanakan adalah seperti jadual berikut:

Projek perundingan yang dilaksanakan pada 2005

Bil.	Projek	Klien	Yuran Perundingan
1	'Cutting Parameters Identification' & 'Analysis of Cut Surface'	Universiti Sains Malaysia (USM)	3,500.00
2	Kursus Pendek (a) 'PLC & Troubleshooting in Industrial Automotion' (b) 'Total Productive Maintenance'	Kolej Komuniti Bukit Beruang	15,036.00
3	Kerja Perundingan	Cubic Electronics Sdn Bhd (CESB) Kementerian Kesihatan Malaysia	3,300.00 44,910.00

PUSAT PEMBUATAN TERMAJU

Selaras dengan *niche area* universiti iaitu pembuatan termaju, Pusat Pembuatan Termaju (*Advanced Manufacturing Centre* (AMC)), mula dibangunkan di Kampus Industri KUTKM. Fokus pusat ini ialah memberi perkhidmatan kepada pihak industri serta untuk menjana pendapatan universiti. Sebagai langkah awal, dua buah mesin Computer Numerical Control (CNC) iaitu 3 Axis CNC Machining Centre (Bridgeport) dan 5 Axis CNC Machining Centre (Mazak) telah dibeli. Pada Jun 2005, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menujuhkan 'KUTKM-MAHR Calibration Centre', satu pusat perkhidmatan dan penyelidikan dalam bidang metrologi.

Pada masa yang sama, Jawatankuasa Induk Pelaburan

KUTKM telah diwujudkan bagi membincangkan usaha penubuhan KUTKM Holdings Sdn. Bhd. (KHSB). Penubuhan KHSB bertujuan memasarkan perkhidmatan dan hasil penyelidikan yang mampu memberi keuntungan kepada universiti.

Pada bulan Ogos, Pusat Universiti Industri (UNIC) telah menerbit majalah 'Synergy - UNIC Bulletin' bagi mempromosikan KUTKM dari aspek pencapaian penyelidikan dan perhubungan industri. Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK) pula menerbitkan jurnal iaitu 'Jurnal Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan Edisi 2 & 3'.



Penilaian Cadangan Kertas Kerja Penyelidikan Pendek dan Polisi Penyelidikan

Penyertaan KUTKM dalam salah satu pameran

Lawatan daripada Meteor Advanced Manufacturing (MMAM) Sdn. Bhd. ke salah satu makmal KUTKM

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA



Proses pemantapan pengurusan sumber manusia dan pentadbiran KUTKM terus dilaksanakan dengan pertambahan bilangan staf universiti. Seramai 68 orang staf telah diambil bagi mengisi kekosongan jawatan akademik dan bukan akademik di KUTKM pada tahun 2005.

Sehingga 31 Disember 2005, sejumlah 1045 staf berkhidmat di KUTKM. Mereka terdiri daripada 3 staf Pengurusan Tertinggi, 452 staf Akademik, 101 staf Pengurusan & Profesional dan 489 staf Sokongan.

Bagi melahirkan graduan yang berilmu, KUTKM perlu mempunyai staf yang berkelayakan dan berkualiti. Untuk itu, KUTKM kini mempunyai seramai 24 orang staf akademik yang mempunyai

kelayakan Ijazah Doktor Falsafah, 320 Ijazah Sarjana dan 108 Ijazah Sarjana Muda. Daripada jumlah tersebut, 10 merupakan Profesor, 19 Profesor Madya, 315 Pensyarah, 67 Tutor, 38 Jurutera Pengajar dan 3 orang Guru Bahasa. KUTKM turut mempunyai 15 orang staf akademik dari luar negara iaitu 9 dari Indonesia, 3 dari Pakistan, 2 dari India dan seorang dari Somalia.

Pecahan bilangan staf akademik adalah seperti berikut :

Fakulti/Pejabat/Pusat	Tetap	Kontrak
Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE)	60	2
Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK)	67	2
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM)	71	4
Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP)	58	4
Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK)	83	2
Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA)	72	1
Pusat Universiti Industri (UNIC)	4	-
Pusat Pengajian Siswazah (PPS)	1	-
Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi (PJKA)	1	-
Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa (PPKA)	1	-
Pusat Kecemerlangan Pengajaran & Pembelajaran (PKPP)	1	1
Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan (IPTK)	13	2
Pejabat Hal Ehwal Pelajar (HEP)	2	-
JUMLAH	434	18

Pembangunan Sumber Manusia

KUTKM sentiasa berusaha meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan. Justeru itu, kakitangan akademik telah diberi peluang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi melalui peruntukan yang dikeluarkan oleh universiti. Menjelang tahun 2010, KUTKM berhasrat untuk mempunyai 50% tenaga pengajarnya adalah pemegang Ijazah Doktor Falsafah (PhD). Keutamaan bidang pengajian pula ditumpukan kepada bidang teknikal dan kejuruteraan yang dianggap signifikan dengan program yang ditawarkan di KUTKM.

Pada tahun ini seramai 67 staf akademik telah melanjutkan pelajaran sama ada di dalam dan luar negara. Seramai 40 orang telah mengikuti program Sarjana manakala 27 orang lagi melanjutkan pengajian di peringkat PhD. Di peringkat Sarjana seramai 24 staf melanjutkan pengajian di dalam negeri manakala 16 lagi di luar negara. Di peringkat PhD, seramai 7 staf berada di dalam negeri manakala 20 lagi di luar negara. Di kalangan staf yang melanjutkan pengajian di luar negara, seramai 20 orang melanjutkan pengajian di United Kingdom, 10 di Australia, 3 di Jepun, 2 di New Zealand dan seorang di Ireland.



* Kursus Amalan Komunikasi Berkesan

Bagi meningkatkan prestasi staf, KUTKM mengambil inisiatif untuk mengadakan pelbagai kursus dan latihan. Melalui Unit Latihan dan Pengurusan Psikologi, sebanyak 81 program telah dianjurkan dengan kos sebanyak RM233,580. Selain itu, staf juga dihantar untuk menghadiri program pembangunan sumber manusia anjuran pihak luar dengan kos sebanyak RM360,784.

Bilangan program yang telah dianjurkan dan dihadiri oleh staf KUTKM sepanjang 2005 adalah seperti jadual di bawah:

Program	Bilangan	
	Anjuran KUTKM	Anjuran Luar
1. Kursus	6	91
2. Bengkel	17	53
3. Latihan	50	18
4. Seminar	8	102
5. Persidangan	-	91
Jumlah	81	355

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Bagi pembentangan kertas kerja pula, sebanyak 113 kertas kerja telah dibentangkan iaitu 94 di dalam negeri manakala 19 lagi di luar negara. Antara pembentangan di luar negara termasuklah di Tunisia, Kanada, Morocco, Turki dan Perancis.

Majlis Hari Kualiti

Pada 20 Disember 2005, KUTKM telah mengadakan Majlis Hari Kualiti KUTKM 2005. Ia merupakan satu pengiktirafan kepada kecemerlangan staf yang telah memberikan sepenuh komitmen dan sumbangan kepada organisasi seterusnya memastikan universiti kekal berada di tahap yang membanggakan.

Bersempena dengan majlis tersebut juga, penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) telah diadakan. Seramai 81 orang staf telah dipilih untuk menerima anugerah tersebut. Pada tahun ini juga, satu anugerah khas telah diwujudkan iaitu Anugerah Khas (Sukan) di mana ianya telah dianugerahkan secara 'posthumous' sebagai menghargai jasa dan khidmat cemerlang Allahyarham Prof. Dr. Azhari bin Salleh dalam memartabatkan budaya bersukan kepada warga KUTKM.

Kebajikan Staf

Persatuan Wanita & Isteri Staf (PUSPANITA) telah ditubuhkan pada tahun 2005. Ia bertujuan menjaga kebajikan dan kepentingan staf wanita dan isteri staf KUTKM. Pelbagai aktiviti kebajikan telah dianjurkan antaranya sambutan Maulidur Rasul pada 30 April 2005 yang bertempat di rumah PUSPANITA sendiri iaitu di Taman Tasik Utama, Ayer Keroh.

Selain itu, PUSPANITA juga telah mengadakan program Semarak Ramadan Di Ambang Syawal bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara ahli persatuan dan staf KUTKM. Program yang dianjurkan ini merupakan satu platform kepada staf KUTKM untuk memberi sumbangan sosial kepada masyarakat. Menerusi BAKUTKM pula, TASKA KUTKM telah dirancang bertujuan untuk memberi perkhidmatan penjagaan kepada anak-anak staf KUTKM.



Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005



Pengistiharan Penubuhan Persatuan Wanita dan Isteri Staf (PUSPANITA)

PEMBANGUNAN PELAJAR



Pembangunan Pelajar adalah elemen utama ke arah memastikan kejayaan sesebuah institusi untuk melahirkan mahasiswa yang berketrampilan dan berwibawa. Aktiviti-aktiviti pembangunan pelajar adalah dirancang, dikendali dan dipantau oleh Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan disokong oleh Pusat Tanggungjawab yang lain dan Fakulti.

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA)

Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) adalah dipertanggungjawabkan untuk melahirkan mahasiswa yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Justeru, untuk mencapai hasrat tersebut, Pejabat HEPA memberi keutamaan kepada perkhidmatan pembangunan sahsiah dan kebajikan pelajar sepanjang 2005. Pelbagai program berteraskan akademik, sukan dan rekreasi telah

dianjurkan untuk pemantapan jati diri dan minda pelajar.

Sejumlah 115 program telah dilaksanakan oleh Pejabat HEPA yang melibatkan pihak dalaman dan agensi luar. Program tersebut dibahagikan kepada tiga aspek pembangunan iaitu pembangunan kemahiran fizikal pelajar, kemahiran insaniah dan kemahiran belajar.

Antara program yang dianjurkan oleh Pejabat HEPA ke arah pembangunan kemahiran fizikal adalah Pertandingan Liga Hoki MASUM Zon D 2005, Kursus

Pembangunan Sukan Ragbi dan Sukan Antara Fakulti 2005. Program untuk membangunkan Kemahiran Insaniah adalah seperti Kursus Kenegaraan, Bengkel Kepimpinan MPP dan Persatuan Mahasiswa KUTKM 2005 dan Bengkel Pemantapan Jati Diri dan Pembangunan Sahsiah turut diadakan.

Di samping itu, pembangunan kemahiran belajar juga turut diberi tumpuan utama dengan penganjuran Bengkel Smart Learning untuk pelajar Kolej Kediaman, Kelas Tuisyen dan Kursus Asas Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) 2005. Pencapaian cemerlang pelajar di dalam bidang akademik dihargai dengan penganjuran Majlis Anugerah Sijil Kepujian Dekan Semester I sesi 2004/2005.



Pejabat HEPA juga menggalakkan penyertaan pelajar dalam pelbagai program anjuran agensi luar seperti Pertandingan Debat Perdana Integriti anjuran Institut Integriti Malaysia, Debat Alam Sekitar, Rakan Muda Eco-Challenge UPSI dan Kursus Fasilitator IPTA. Penyertaan dalam program sukan pula meliputi Pertandingan Bola Sepak Uni-League, Sukan Melaka Lawn Bowls, Expedisi Berakit Antarabangsa, Sungai Pahang anjuran Badan Pelancongan Negeri Pahang dan Ragbi 10 sebelah Combat KUiTTHO.

Pencapaian pelajar di sepanjang 2005 boleh dibanggakan kerana mereka telah menerima beberapa anugerah dan menempa kejayaan dari pertandingan tersebut. Antaranya adalah Anugerah Pemain Cemerlang untuk acara bola jaring, bola tampar dan taekwando di kejohanan MASUM. Di samping itu, Anugerah Juragan Arus juga telah diperolehi dari acara Ekspedisi Berakit Antarabangsa – Sungai Pahang. Pelajar KUTKM juga menjuarai Kejohanan Lawn Bowls Single Tertutup Melaka.

Peranan Pusat Tanggunjawab (PTj) Lain

Selain Pejabat HEPA, Pusat Tanggunjawab lain juga berfungsi untuk menyokong hasrat universiti membentuk pelajar yang berketerampilan dan kompeten. Pusat Pengajian Siswazah mengaturkan sesi-sesi taklimat dan perjumpaan untuk pelajar. Siswazah dan Pasca Siswazah. Pelancaran Kelab Pasca Siswazah telah diadakan pada November 2005.

Pusat Perkhidmatan Akademik juga berperanan menjana minda pelajar dengan menganjurkan *Product Presentation Competition*. Pelajar mencipta produk baru untuk dipasarkan dan membuat persembahan lisan untuk menerangkan mengenai aspek produk tersebut. Selain itu, kelas persediaan MUET juga turut ditawarkan pada pertengahan dan akhir tahun. Program *English Camp* dijadikan asas untuk pelajar mengaplikasikan teknik-teknik kemahiran berkomunikasi secara efektif. Pusat Perhubungan Korporat dan Antarabangsa juga memainkan peranan penting untuk meletakkan KUTKM di persada antarabangsa. Pada 8 hingga 24 Mei 2005, PPKA bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan Program Pengantarabangsaan Pelajar KUTKM ke Melbourne, Australia. Seramai 15 orang terlibat iaitu 11 orang pelajar daripada Fakulti Kejuruteraan Elektrik, dua orang Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer dan dua pegawai pengiring. Antara destinasi yang dikunjungi ialah

Swinburn University of Technology, Royal Melbourne Institute of Technology (RMIT) dan industri yang terpilih.

Selain daripada itu, Pejabat Perpustakaan juga telah mengadakan program pembangunan kemahiran insanah. Program yang menerapkan kesedaran pelajar terhadap isu global telah diadakan dengan penganjuran Pameran Tsunami. Di samping itu, Pameran Bulan Membaca turut diadakan untuk menggalakkan tabiat membaca di kalangan pelajar.

Sumbangan Fakulti

Fakulti juga memainkan peranan penting dalam pembangunan akademik dan sahsiah pelajar. Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) telah menganjurkan Bengkel *Smart Learning* KUTKM 2005, Kursus Bina Negara dan Kembara Merdeka Eksplorasi Hutan Belum. Para pelajar juga menyertai lawatan akademik ke Kuala Lumpur dan Balai Cerap Al-Khawarizmi. Pasukan ROBOCON 2005 juga telah ditubuhkan bertujuan menyertai pertandingan ROBOCON 2005. Pasukan tersebut terdiri daripada pelajar tahun 2 Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan (Robotik & Automasi).

Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pula menganjurkan lawatan sambil belajar ke Multimedia Development Corporations Sdn. Bhd. dan DIGI Imax Studio. Pelajar telah didedahkan dengan kesan dan penggunaan teknologi realiti maya. Pelajar juga menghadiri Persidangan Antarabangsa bertemakan *The Islamic Living Space: Human Security and Terrorism*.

Bagi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) pelajarnya telah digalakkan untuk mencipta go-kart secara berkumpulan dan mengujinya dalam pertandingan Perlumba Go-kart 2005 dan Hari Rekabentuk & Inovasi FKM.

Manakala Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK) telah menganjurkan Seminar Kenegaraan Biro Tatanegara/KUTKM di Dewan Banquet Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Secara keseluruhannya semua aktiviti yang dilaksanakan oleh pejabat HEPA, semua Fakulti dan PTj bertujuan untuk melahirkan pelajar yang lebih matang, berdaya saing dan seimbang.

PRASARANA DAN KEMUDAHAN

Pembangunan Kampus Tetap KUTKM telah berjalan dengan begitu baik dan menepati sasaran Rancangan Malaysia Ke- 8 (RMK-8). Pada 30 Jun 2005, keseluruhan bangunan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan infrastruktur luaran telah siap sepenuhnya.

Selain itu, beberapa kemudahan sokongan bagi pengoperasian kedua-dua fakulti seperti bilik bacaan, perpustakaan, pusat perkhidmatan pelajar, dewan siber, pos pengawal keselamatan, pusat rawatan pelajar dan stor pertanian telah disediakan dengan sempurna.

Penyelarasan keseluruhan pembangunan fizikal KUTKM telah dipertanggungjawabkan kepada Pejabat Pembangunan Dan Pengurusan Aset.

Pejabat ini berfungsi untuk merancang pembangunan fizikal secara terperinci berdasarkan kepada Pelan Induk KUTKM. Jadual pembangunan juga diselaraskan agar pembinaan bangunan dan infrastruktur seiring dengan penyediaan kemudahan landskap dan perkembangan aset lain seperti ladang

dan dusun di Kampus Tetap. Selain itu, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset juga bertanggungjawab untuk membuat permohonan peruntukan kewangan pembangunan kepada Agensi Pusat bagi setiap Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT).

Kerjasama yang erat di antara Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset dengan Perunding Pengurusan Projek (PMC) bagi projek-projek di dalam *Design & Build Contract* telah memastikan kemajuan projek sentiasa mengikut program yang telah dirancangkan. Pembangunan yang begitu tersusun bukan sahaja telah menarik minat warga KUTKM, malah Agensi Kerajaan dan Swasta turut berminat untuk melawat Kampus Tetap serta mempelajari pengurusan dan pelaksanaan pembangunan fizikal KUTKM.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Ringkasan pembangunan Kampus Induk KUTKM adalah seperti berikut:

BUTIRAN Pakej 1	KERJA Kerja-Kerja Tanah & Lain-lain Berkaitan	TARIKH MULA 29 Ogos 2002	TARIKH SIAP 25 Jun 2003	CATATAN / KEMAJUAN Siap sepenuhnya pada 25 Jun 2003
Pakej 2a	Kerja-Kerja Infrastruktur Luaran Sekyen 1:Keseluruhan FKEKK	17 Mac 2003 1 Julai 2003	20 Dis. 2004 30 Okt. 2004	Siap sepenuhnya pada 20 Disember 2004 Serahan kepada KUTKM pada 30 Okt. 2004
	Seksyen 2:FKE-Blok Pentadbiran/Makmal	8 Julai 2003	31 Jan. 2005	Serahan kepada KUTKM pada 31 Jan. 2005
	Kafetaria Pelajar 1	25 Jan. 2005	30 Jun 2005	Serahan kepada KUTKM pada 30 Jun. 2005

Pembangunan Kampus Tetap KUTKM amat menitikberatkan penyediaan kemudahan lanskap selaras dengan keperluan kawasan hijau (Green Belt) di dalam kampus. Beberapa lokasi di dalam kawasan ini telah dikenalpasti untuk disediakan dengan kemudahan aktiviti ko-kurikulum pelajar seperti tapak perkhemahan, litar larian, laluan berbasikal dan jeti kayak sementara di dalam dusun pula disediakan kawasan ternakan haiwan, chalet eco-park dan amphitheatre.


Bagi menampung enrolmen pelajar yang sentiasa meningkat pada setiap tahun, beberapa lokasi untuk asrama pelajar di Kampus Tetap telah dikenalpasti. Pembinaan asrama ini akan dilaksanakan secara penswastaan. Penilaian teknikal dibuat secara 'in-house' terhadap tawaran-tawaran yang dikemukakan oleh para pemaju.

Perkembangan pembangunan sistem rangkaian setempat adalah begitu ketara sekali selari dengan pertambahan staf dan pelajar serta juga pertambahan ruang penyewaan untuk penempatan staf KUTKM. Sistem rangkaian tanpa wayar (*wireless network*) di Fasa B telah dinaiktaraf dari teknologi radio *frequency* kepada teknologi *wireless fiber* untuk memastikan pengguna sentiasa mendapat perkhidmatan rangkaian yang terbaik.

Pada tahun 2005, perolehan komputer di KUTKM telah bertambah sebanyak 93% seperti jadual di bawah.

Tahun	Jumlah Komputer
2002	974
2003	1886
2004	2246

Selain itu, pusat komputer telah mengambil langkah-langkah keselamatan rangkaian dan sistem untuk mencegah aplikasi dan pangkalan data daripada dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Antaranya seperti melakukan *Security Health Check* dan melaksanakan kemudahan server internet, antivirus, *Dynamic Host Configuration Protocol (DHCP)*, *domain control* dan *firewall* untuk Kampus Tetap.



PENGURUSAN KEWANGAN

Pelbagai rungutan yang dilontarkan oleh orang awam terhadap perkhidmatan yang ditawarkan oleh Kerajaan menjadi pencetus kepada cadangan supaya agensi-agensi Kerajaan mengurangkan kerentak birokrasi dalam penyampaian perkhidmatan. Selaras dengan saranan Perdana Menteri, pihak pengurusan telah merancang dan melaksanakan beberapa tindakan secara berterusan ke arah mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan KUTKM.

Pihak pengurusan Universiti telah memulakan tindakan dengan memperhalusi pelan strategik universiti untuk tempoh lima tahun bermula dari tahun 2006 sehingga 2010. Pejabat Bendahari juga telah mengambil inisiatif untuk merancang dan melaksana pelan tindakan dalam menyokong visi dan misi universiti. Antaranya ialah mengemaskini dan menambahbaik urusan pentadbiran kewangan di KUTKM.

Sistem pengurusan dan pentadbiran Universiti juga dipengaruhi oleh perubahan persekitaran. Perkembangan teknologi seperti perbankan internet menuntut perubahan dilakukan terhadap pengurusan pembayaran dan terimaan Universiti. Tahun 2005 menyaksikan pelaksanaan pembayaran yuran pelajar melalui *BizChannel* iaitu perbankan internet yang ditawarkan oleh Bumiputra-Commerce Bank Berhad.

Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu (SMKB) diperluaskan fungsinya dalam 2005 sebagai kesinambungan pelaksanaan tahun 2004.

Pengintegrasian dengan Sistem Maklumat Sumber Manusia (SMSM) membolehkan proses pembayaran gaji menggunakan pemindahan data dengan arahan daripada Pejabat Pendaftar dilaksanakan bermula April 2005.

Manakala pengintegrasian dengan Sistem Maklumat Pelajar (SMP) membolehkan pindahan data yuran pelajar dilakukan secara elektronik dan bersepadu ke dalam akaun Universiti. Melalui gabungan semua sistem ini, maklumat yang kritikal dan utama boleh dicapai dan dinilai bagi membolehkan pihak pengurusan membuat keputusan yang melibatkan pendapatan dan perbelanjaan Pusat Tanggungjawab mahupun Universiti secara keseluruhan.

Dalam 2005 juga, Pejabat Bendahari bekerjasama dengan Pejabat Pendaftar dan Pusat Komputer untuk melaksanakan kawalan kredit di peringkat kutipan yuran pelajar. Berdasarkan teguran daripada pihak pengurusan dan Unit Audit Dalam terhadap jumlah yuran tertunggak yang mencapai hampir 10 peratus, beberapa langkah diambil bagi mengawal peningkatan jumlah tersebut. Ia termasuk penguatkuasaan penjelasan hutang sebelum keputusan peperiksaan dikeluarkan dan pendaftaran matapelajaran. Langkah ini dibuat untuk membentuk mekanisme bagi sistem kawalan dalaman dalam pengurusan kutipan hasil yang tertunggak. Walaupun hasil pelajar hanya menyumbang kurang daripada 15 peratus daripada keperluan operasi Universiti, ia wajar dikawal supaya tiada berlaku tunggakan setelah pelajar menamatkan pengajian. Walau bagaimanapun, budi bicara digunakan bagi pelajar yang menghadapi masalah kewangan yang kritikal.

Lawatan ke universiti luar negara telah diadakan dengan kerjasama semua Bendahari IPTA dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia sebagai langkah meletakkan penanda aras terhadap visi IPTA ke arah universiti bertaraf dunia. Lawatan ini bertujuan melihat kaedah pengagihan dan kawalan terhadap geran Kerajaan, kaedah menambah pendapatan universiti dan juga keberkesanan sistem pengurusan kewangan mereka. Lawatan pertama diadakan pada November 2005 ke New Zealand dan diikuti dengan lawatan ke universiti-universiti di Australia pada Disember 2005.

Tinjauan ke universiti dalam negeri juga membantu pembentukan sistem bekerja yang lebih kemas dan sistematik. Selain itu, kesemua lawatan ini juga bertujuan untuk membentuk rangkaian (*networking*) bagi bertukar-tukar pandangan dan kepakaran ke arah membentuk sistem dan pengurusan kewangan yang lebih mantap. Adaptasi dan pengubahsuaian yang telah dilakukan oleh universiti lain dalam mengatasi masalah yang wujud boleh dijadikan panduan supaya KUTKM tidak melalui masalah yang sama dan juga lebih bersedia sekiranya terpaksa menempuh masalah yang serupa.


KUTKM sentiasa berusaha memastikan pengurusan dan penyimpanan rekod kewangan berada di tahap yang paling efektif dan efisien. Tanggungjawab dan akauntabiliti ini wajar diambil perhatian dan dilaksanakan oleh semua pihak di KUTKM, baik di peringkat perancang atau penggubal, mahupun

di peringkat pelaksana. Tanpa arahan yang jelas dan jalinan kerjasama yang jitu, kelemahan dan kegagalan pengurusan akan memberi impak negatif kepada Universiti.

Dalam aspek ini, Unit Audit Dalam Universiti turut berperanan memberi khidmat nasihat dan teguran ke arah pematuhan yang berkesan. Dalam perjumpaan di antara pihak pengurusan Universiti dengan Jabatan Audit Negara, pihak Ketua Audit Negara telah melahirkan rasa puas hati dan bangga terhadap Penyata Kewangan KUTKM kerana tiada teguran yang dilaporkan sejak pertama kali ia dikeluarkan pada tahun 2001.



PERISTIWA SEPANJANG 2005



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1. Salah seorang pelajar sedang mendeklamasi sajak di Majlis Ambang Kemerdekaan KUTKM 2005
2. Datuk Prof. Ismail Hassan, Rektor KUTKM sedang menerima Jalur Gemilang dari pelajar-pelajar KUTKM
3. Kontingen KUTKM semasa perarakan Hari Kebangsaan Peringkat Negeri Melaka di Dataran Pahlawan, Banda Hilir, Melaka
4. Program Ibadah Korban anjuran staf dan pelajar KUTKM
5. Dua penyelidik KUTKM yang memenangi pingat emas di ITEX Exhibition 2005
6. Tun Canselor KUTKM sedang melihat model kampus tetap semasa membuat lawatan rasmi ke Kampus Tetap KUTKM di Durian Tunggal, Melaka



8



10




8



11

- 7 Tun Canselor sedang diberi taklimat oleh Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik mengenai projek fakulti semasa lawatan rasmi ke kampus tetap KUTKM
- 8 Pasukan hoki KUTKM (berwarna putih) sedang beraksi semasa Liga Hoki MASUM 2005
- 9 Datuk Prof. Ismail b. Hassan, Rektor KUTKM sedang memberi perutusan semasa Majlis Amanat Rektor 2005
- 10 Tun Canselor semasa Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka.
- 11 Majlis Menandatangi Dokumen Kontrak antara KUTKM dan Konsortium Melaka Melaka Berhad, Putera Perdana dan Cobrain Berhad bagi pembinaan kampus tetap KUTKM di Durian Tunggal, Melaka.



UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

- 12 Sebahagian dari pelajar baru KUTKM bagi sesi 2005/2006 semasa Minggu Haluan Siswa
- 13 Pelancaran Kempen Penggunaan Sumber Secara Berhemah 2005
- 14 Pengurus Lembaga Pengarah KUTKM, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Saleh bin Sulong sedang menyampaikan cenderahati kepada wakil SIRIM semasa Majlis Penganugerahan Sijil ISO 9001-2000 kepada KUTKM
- 15 YAB Perdana Menteri Malaysia sedang melihat hasil ciptaan pelajar KUTKM semasa membuat lawatan ke pameran KUTKM
- 16 Menteri Pengajian Tinggi sedang mendengar taklimat semasa "Retreat" bersama Timbalan Naib Canselor/Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar) IPTA
- 17 Pelajar sedang membuang undi semasa Pilihan raya KUTKM 2005



- 18 Pelajar-pelajar yang mengikuti lawatan sambil belajar ke Australia di dalam program pengantarabangsaan KUTKM
- 19 Menteri Pengajian Tinggi sedang memberi taklimat semasa Seminar Kenegaraan BTN, KUTKM 2005
- 20 Kontingen Staf KUTKM semasa Sukan Antara Staf Universiti-Universiti di Malaysia di UKM
- 21 Seorang graduan KUTKM sedang menerima ijazah semasa Upacara Konvokesyen Pertama di Dewan Seri Negeri, Ayer Keroh, Melaka
- 22 Tun Canselor KUTKM sedang menerima watikah pelantikan sebagai Canselor KUTKM yang kedua dari Menteri Pengajian Tinggi Malay

LAPORAN KEWANGAN

Perbelanjaan Mengurus

Pendapatan mengurus KUTKM bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 berjumlah RM105,590,238, bertambah sebanyak 24.70% berbanding RM84,672,305 bagi tahun 2004. Daripada jumlah ini, RM92,523,800 atau 87.63% adalah pemberian Kerajaan dan bakinya RM13,066,438 (12.37%) adalah daripada pelbagai sumber seperti yuran pengajian, sewaan dan pelbagai pendapatan lain.

Perbelanjaan mengurus tahun 2005 berjumlah RM103,174,600 iaitu meningkat sebanyak 20.05% berbanding RM85,944,074 bagi tahun 2004, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2005 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM8,173,046.

Sejumlah RM1,000,000 daripada lebihan terkumpul peruntukan mengurus telah dipindahkan ke Kumpulanwang Penyelidikan pada tahun 2005 bagi menampung aktiviti penyelidikan akademik Universiti.

PERBELANJAAN MENGURUS (PEMBELIAN ASET) - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Bangunan	272,925	
Kenderaan	556,327	854,857
Alat Kelengkapan dan Perabot	7,071,455	7,487,382
Pembinaan dalam Kemajuan	272,339	(171,484)*
JUMLAH	8,173,046	8,170,755

* Angka negatif menunjukkan pembelian bersih setelah pindahan ke Aset.


PENDAPATAN MENGURUS - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Pemberian Kerajaan	92,523,800	71,168,200
Yuran dan Hasil Pelajar	11,873,574	10,829,126
PENDAPATAN LAIN	1,192,864	2,674,979
JUMLAH	105,590,238	84,672,305


PERBELANJAAN MENGURUS - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Emolumen	28,799,440	31,580,154
Perkhidmatan dan Bekalan	55,621,965	37,227,939
Pemberian dan Bayaran Tetap	4,826,708	3,760,368
Perbelanjaan Lain	714,144	623,990
Susutnilai	13,212,343	12,751,623
JUMLAH	103,174,600	85,944,074


PENDAPATAN MENGURUS BAGI TAHUN 2005



PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2005



PERBELANJAAN PEMBANGUNAN BAGI TAHUN 2005



Perbelanjaan Pembangunan

KUTKM menerima pemberian daripada Kerajaan sebanyak RM52,690,912 (termasuk RM500,000 untuk Geran Penyelidikan Fundamental) bagi peruntukan pembangunan tahun 2005 berbanding RM87,970,953 dalam tahun 2004, berkurang sebanyak 40.10%.

Perbelanjaan pembangunan KUTKM bagi tahun 2005 pula berjumlah RM13,637,738 berbanding RM7,275,653 bagi tahun 2004, tidak termasuk perbelanjaan yang dipermodalkan dalam tahun 2005 bagi pembelian aset tetap dan pembinaan dalam kemajuan yang berjumlah RM71,077,760. Jumlah perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan penyelidikan tahun 2005 berjumlah RM590,585.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (PEMBELIAN ASET) - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Tanah	132,371	599,338
Bangunan	82,559,824	-
Kemudahan Infrastruktur	2,587,186	50,934
Alat Kelengkapan dan Perabot	11,526,429	5,320,278
Pembinaan dalam Kemajuan	(25,728,050) *	137,667,061
JUMLAH	71,077,760	143,637,611

* Angka negatif menunjukkan pembelian bersih setelah pindahan ke Aset.

PENDAPATAN PEMBANGUNAN - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Pemberian Kerajaan	52,690,912	87,970,953
JUMLAH	52,690,912	87,970,953

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN - PERBANDINGAN

	Tahun 2005	Tahun 2004
Perkhidmatan dan Bekalan	2,697,418	1,381,959
Susutnilai	10,940,320	5,893,694
JUMLAH	13,637,738	7,275,653



جامعة ملaka التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

PROSPEK DAN PERANCANGAN 2006

Perancangan yang mantap telah dibuat bagi mencapai visi KUTKM untuk menjadi universiti teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia. Dengan adanya Pelan Strategik KUTKM 2006 – 2010, usaha untuk mencapai visi, misi dan objektif KUTKM akan menjadi lebih fokus. Pelan strategik ini menjadi satu garis panduan dan asas kepada hala tuju universiti untuk lebih cekap, telus dan efisien.

Universiti akan terus memperkemaskan aspek pengurusan akademik, pentadbiran, sumber manusia, pembangunan pelajar, penyelidikan dan pembangunan, dan semua aspek lain bagi menyokong kecemerlangan universiti. Kualiti dalam semua aspek ini akan menjadi keutamaan.

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dijangka menggunakan nama universiti sepenuhnya bagi menggantikan nama kolej universiti pada tahun 2006. Penjenamaan semula ini akan memberi impak besar kepada pembangunan universiti terutamanya bagi meningkatkan keyakinan masyarakat berhubung kualiti graduan yang dikeluarkan oleh KUTKM. Ia secara langsung akan memudahkan pihak universiti untuk menjadikan KUTKM lebih berwibawa dan dapat memfokuskan kepada usaha – usaha ke arah pembangunan universiti.

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Enrolmen pelajar akan bertambah melebihi 5400 orang pada tahun 2006 . Ia termasuklah pelajar pada peringkat Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Selain itu pada tahun 2006 universiti akan mengadakan konvokesyen kali keduanya yang dijadualkan pada awal Ogos 2006. Cabaran penting kepada universiti ialah memastikan graduannya diterima dengan baik oleh pihak industri.

KUTKM akan sentiasa mendapatkan maklumbalas dari pihak graduan dan industri bagi memantapkan bidang akademik dan pembangunan diri mahasiswa. Berdasarkan maklumbalas yang diterima, konsep pengajaran dan pembelajaran berteraskan aplikasi dan amalan telah memberi kelebihan kepada graduan KUTKM untuk bersaing bagi mendapatkan pekerjaan dalam pelbagai sektor terutamanya sektor industri.

Penubuhan Unit Alumni, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni akan memudahkan pengesanan graduan dilakukan. Unit ini

memainkan peranan besar kepada graduan KUTKM untuk mendapatkan maklumat pekerjaan. Di samping itu ia menjadi pusat jaringan kerjasama (*networking*) di kalangan ahli alumni KUTKM untuk bertukar maklumat, mengadakan kerjasama ahli, memberi pandangan dan sebagainya. Satu pangkalan data alumni akan disediakan bagi merealisasikan matlamat ini.

Pihak universiti akan memberi keutamaan bagi memantapkan pembangunan sahsiah diri dan meningkatkan pengetahuan pelajar dalam kemahiran insaniah (*soft skill*). Mereka akan dilatih dalam pelbagai aspek pembangunan diri seperti kemahiran berkomunikasi, penampilan diri, berpersonaliti unggul dan kemahiran – kemahiran lain yang diperlukan. Aktiviti – aktiviti pelajar seperti kursus kemahiran bahasa Inggeris, aktiviti berpersatuan, kebudayaan, sukan dan sebagainya akan dipergiatkan.

Pembangunan Kampus Tetap di Durian Tunggal akan diteruskan melalui permohonan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9). Pihak universiti telah memohon peruntukan yang mencukupi melalui RMK9 bagi menyiapkan keseluruhan pembangunan Kampus Tetap. Sekiranya permohonan ini diluluskan maka pembangunan keseluruhan kampus universiti akan disiapkan dengan segera bagi mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih kondusif.

KUTKM juga bercadang untuk beroperasi di Kampus Bandar di Jalan Hang Tuah, Melaka bagi menampung keperluan di Kampus Industri dan Kampus Tetap yang sedia ada sekarang. Beberapa pusat tanggungjawab akan ditempatkan di Kampus Bandar iaitu Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan, Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi, Pusat Pengajaran dan Pembelajaran, Pusat Pengajian Sepanjang Hayat dan Penerbit Universiti.

Kampus Bandar ini akan menjadi tempat bagi penawaran program peringkat Ijazah Sarjana dan Ijazah Doktor Falsafah oleh Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK). Selain itu, program latihan membina usahawan oleh Pusat Pembangunan Tekno-Keusahawanan atau Malaysian Technoprenuer Development Center (MATDEC) akan dilaksanakan di sana. Beberapa kursus-kursus profesional dan eksekutif jangka pendek seperti "Energy Efficiency Training Programme", CATIA, Solidworks, kursus-kursus kemahiran

ICT, kursus-kursus bahasa, kursus motivasi dan bina sahsiah turut ditawarkan di kampus bandar.

Pembangunan modal insan adalah perlu untuk mengukuhkan kecemerlangan kepada universiti. Sehubungan itu, langkah-langkah bagi meningkatkan pengetahuan, motivasi dan latihan akan dipergiatkan kepada semua staf akademik dan staf pengurusan. Semua staf dikehendaki untuk mengikuti latihan selama 40 jam seperti yang disasarkan dalam pelan strategik universiti bagi meningkatkan kompetensi mereka.

Mereka dikehendaki untuk mengikuti latihan-latihan yang ditawarkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia di samping latihan-latihan lain yang relevan dari agensi latihan dalam mahupun luar negara. Semua staf digalakkan untuk mengikuti seminar, konvensyen, bengkel, taklimat, pembentangan kertas kerja dan sebagainya untuk pemantapan pembangunan diri dan ilmu.

Pada tahun 2006 universiti akan menghantar seramai 79 orang staf akademik untuk menyambung pengajian pada peringkat yang lebih tinggi. Ia terdiri dari 18 orang pada peringkat Ijazah Sarjana dan 61 orang pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah sama ada di dalam negeri dan luar negara. Strategi bagi memantapkan sumber manusia ini terkandung dalam pelan strategik universiti bagi melahirkan staf yang kompeten, berkelayakan tinggi serta memiliki pengalaman praktikal yang luas.

Penglibatan staf di dalam aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan dipertingkatkan supaya kejayaan yang diraih sebelum ini dapat diteruskan. Bagi menerus dan menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang telah dibuat, pihak universiti bercadang untuk mengkomersilkan produk - produk penyelidikan. Projek *Air Pressure Plug* dilihat mempunyai potensi tinggi untuk dipaten dan dikomersilkan. Sekiranya ia dapat dilaksanakan, maka ia merupakan satu lagi lakaran kejayaan kepada universiti.

Pusat Pembuatan Termaju (Advanced Manufacturing Centre) dijangka beroperasi pada 2006. Pusat Pembuatan Termaju ini menjalankan aktiviti pembuatan komponen dan produk di samping memberi kemudahan latihan industri. Penubuhannya akan memberi pulangan pendapatan yang dijana sendiri oleh universiti.

Pihak universiti amat optimis bahawa KUTKM akan mencipta lebih banyak kecemerlangan dan kejayaan pada tahun 2006. Kecemerlangan dan kejayaan ini akan diperolehi dalam semua aspek sama ada dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan, pengurusan dan pentadbiran, pelajar dan sebagainya. Oleh yang demikian semua warga universiti perlu memberikan komitmen yang tinggi untuk sama – sama membangunkan KUTKM agar lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.



PENGURUSAN KUTKM

LEMBAGA PENGARAH KUTKM

PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

YBHG. TAN SRI DATO' SERI (DR.) MOHD SALEH BIN SULONG

Pengerusi

DRB-HICOM Berhad

AHLI - AHLI

YBHG. DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN

Rektor

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

YBHG. DATIN RODIAH BINTI MEOR SULAIMAN

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Pengajian Tinggi

Tarikh tamat : 31 Ogos 2005

YBHG. DATO' HAJI AHMAD SALIMI BIN ISMAIL

Setiausaha

Bahagian Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi

Tarikh lantikan: 1 September 2005

Y.B. DATUK HAJI AHMAD RUSLI BIN JOHARIE

Setiausaha

Kerajaan Negeri Melaka

Tarikh tamat : 14 November 2005

Y.B. DATUK WIRA ISMAIL BIN SALEH

Setiausaha

Kerajaan Negeri Melaka

Tarikh lantikan : 1 Mei 2005

YBHG. DATUK ABDUL RAMAN BIN HJ. SAAD

Rakan Kongsi Pengurusan (Managing Partner)

Abdul Raman Saad & Associates

YBHG. DATUK IR. MD. SIDEK BIN AHMAD

Naib Presiden Kanan (Operasi)

Tenaga Nasional Berhad

YBHG. DATUK HAJI KAMARUDDIN BIN AWANG

Pengerusi Eksekutif

Suremax Group Bhd

IR. AB. WAHAB BIN CHIK

Jurutera Kanan

Kementerian Kewangan Malaysia

AHLI GANTI KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

ENCIK ABD. GHAFAR BIN YUSOF

Ketua Penolong Pengarah

(Bahagian Pembangunan & Kewangan) Jabatan Pendidikan

Tinggi Kementerian Pendidikan Malaysia

Tarikh tamat : 31 Ogos 2005

ENCIK AHMAD NAZRI BIN SULAIMAN

Ketua Penolong Pengarah Kanan

(Bahagian Akademik) Jabatan Pengurusan IPT Kementerian

Pendidikan Malaysia

Tarikh lantikan : 1 September 2005

SETIAUSAHA

ENCIK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia

MAJLIS EKSEKUTIF

Y.BHG. DATUK PROF. ISMAIL BIN HASSAN

Rektor / Pengerusi

Y.BHG. PROF. DR. AZHARI BIN SALEH

Timbalan Rektor

(Akademik & Pengantarabangsaan)

(sehingga Jun 2005)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR. ABU BAKAR BIN

MOHAMAD DIAH

Timbalan Rektor

(Penyelidikan & Pengkomersilan / Inovasi)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD. NOR BIN HUSAIN

Dekan

Hal Ehwal Pelajar

ENCIK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

ENCIK KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

PUAN HJH. FARIDAH BINTI HJ. MD. AMIN

Ketua Pustakawan

PUAN NORaida BINTI ATTAN

Pengarah

Pejabat Pembangunan & Pengurusan Aset

ENCIK MOHD. ISA BIN MOHD. DOM

Pengarah

Pusat Komputer

PROF. ABDUL HAMID BIN HAMIDON

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

PROF. DR. MD. RAZALI BIN AYOB

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

PUAN NOORNAHAR BINTI AKASHAH

Timbalan Pendaftar / Setiausaha



جامعة ملaka التقنية

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

AHLI SENAT

Y.BHG. DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN

Rektor/ Pengerusi

Y.BHG.PROFESOR DR. AZHARI BIN SALEH

Timbalan Rektor (Akademik dan Pengantarabangsaan)
(Sehingga Jun 2005)

Y.BHG.DATUK PROFESOR MADYA DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH

Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Pengkomersilan / Inovasi)

Y.BHG. DATO' PROFESOR DR. MOHD NOR BIN HUSAIN

Dekan

Hal Ehwal Pelajar

ENCIK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar/ Setiausaha



Y.BHG.PROFESOR DR. MARIZAN BIN SULAIMAN

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Y.BHG.PROFESOR ABDUL HAMID BIN HAMIDON

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer

Y.BHG.PROFESOR DR. MD. RAZALI BIN HAJI AYOB

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Mekanikal

Y.BHG.PROFESOR DR. MOHD RAZALI BIN MUHAMAD

Dekan

Fakulti Kejuruteraan Pembuatan

Y.BHG. PROFESOR DR. MOHAMMAD ISHAK BIN DESA

Dekan

Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi

Y.BHG. PROFESOR MADYA DR. HAJI SU'AIDI BIN DATO' SAFEI

Dekan

Pusat Perkhidmatan Akademik

Y. BHG. PROFESOR DR. HJ. MD. TAIB BIN HJ. DORA

Dekan

Pusat Pengajian Siswazah

Y.BHG.PROFESOR DR. SALLEH BIN YAHYA

Dekan

Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan

Y.BHG.PROFESOR MADYA DR. ZOLKEPLI BIN BUANG

Pengarah

Pusat Kecemerlangan Pengajaran dan Pembelajaran

Y.BHG.PROFESOR DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI

Dekan

Pusat Universiti Industri



ENCIK KHAIRUL BIN TAIB

Bendahari

PUAN HAJAH FARIDAH BINTI HAJI MD AMIN

Ketua Pustakawan

PUAN NORAIIDA BINTI ATTAN

Pengarah

Pembangunan & Pengurusan Aset

ENCIK MOHD ISA BIN MOHD DOM

Pengarah

Pusat Komputer

Y.BHG. PROFESOR MADYA SHAHDAN BIN MD. LANI

Pengarah

Pusat Jaminan Kualiti & Akreditasi

Y.BHG.PROFESOR MADYA DR. MOHD RIDZUAN BIN NORDIN


Pengarah

Pusat Perhubungan Korporat & Antarabangsa





Jabatan Audit Negara
Malaysia



**KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA**




**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**


Penyata kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2005 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Perilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia pada 31 Disember 2005, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.


(BOON JON LIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 JULAI 2006



KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN dan DATUK HAJI KAMARUDDIN BIN AWANG, yang merupakan Ahli Lembaga Pengarah KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA pada 31 Disember 2005 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



Bagi pihak Lembaga Pengarah,



DATUK PROFESOR ISMAIL BIN HASSAN
Rektor/Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 29 MAY 2006
Melaka

DATUK HAJI KAMARUDDIN BIN AWANG
Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh : 29 MAY 2006
Melaka

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, KHAIRUL BIN TAIB, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas,
KHAIRUL BIN TAIB, di negeri Melaka
pada 18.5.2006

UTEM
Khairul Taib
KHAIRUL BIN TAIB
No. K/P 630321-01-6027

جامعة تكنولوجيا ملاكا

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Di hadapan saya,



KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2005

	NOTA	2005 RM	2004 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	<u>159,213,456</u>	<u>78,628,934</u>
PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN	5	<u>156,037,829</u>	<u>181,493,540</u>
ASET SEMASA			
Penghutang	6	<u>8,820,621</u>	<u>3,538,049</u>
Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	7	<u>9,398,938</u>	<u>4,727,647</u>
Pendapatan Terakru		<u>59,188</u>	<u>82,990,545</u>
Simpanan Tetap dan REPO	8	<u>62,018,000</u>	<u>32,000,000</u>
Tunai di Tangan dan di Bank		<u>2,044,835</u>	<u>6,217,717</u>
		<u>82,341,582</u>	<u>129,473,958</u>
LIABILITI SEMASA			
Pembiutang	9	<u>6,602,033</u>	<u>39,974,733</u>
		<u>6,602,033</u>	<u>39,974,733</u>
ASET SEMASA BERSIH		<u>75,739,549</u>	<u>89,499,225</u>
		<u>390,990,834</u>	<u>349,621,699</u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dibiayai oleh :


KUMPULANWANG MENGURUS	10	<u>38,706,018</u>	<u>37,141,900</u>
KUMPULANWANG PEMBANGUNAN	11	<u>345,105,107</u>	<u>306,551,933</u>
KUMPULANWANG PENYELIDIKAN	12	<u>1,779,709</u>	<u>527,866</u>
KUMPULANWANG PINJAMAN KENDERAAN	13	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>
KUMPULANWANG PINJAMAN KOMPUTER	14	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>
		<u>390,990,834</u>	<u>349,621,699</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

**PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

	NOTA	2005 RM	2004 RM
PENDAPATAN			
Pemberian Kerajaan	15	107,001,813	78,494,353
Yuran dan Hasil Pelajar		11,873,574	10,829,126
Sewaan, Jualan dan Pelbagai Hasil		467,149	530,240
Faedah dan Keuntungan		725,715	2,144,739
Hasil Perkhidmatan Akademik		2,153	30,401
		120,070,404	92,028,859
PERBELANJAAN			
Emolumen		28,799,440	31,580,304
Perkhidmatan dan Bekalan		58,841,756	39,116,295
Pemberian dan Bayaran Tetap		4,826,708	3,760,368
Perbelanjaan Lain		714,144	624,090
Susutnilai	4	24,220,875	18,677,667
		117,402,923	93,758,724
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN		2,667,481	(1,729,865)



Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

	Kumpulanwang Mengurus	Kumpulanwang Pembangunan	Kumpulanwang Penyelidikan	Kumpulanwang Pinjaman Kenderaan	Kumpulanwang Pinjaman Komputer	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2004	77,031,776	185,134,017	985,962	5,000,000	200,000	268,351,755
Geran Kerajaan	71,168,200	87,970,953	50,500	-	-	159,189,653
Pendapatan Lain	13,504,105	-	30,401	-	-	13,534,506
Pelarasan Tahun Lepas	-	2,304,509	-	-	-	2,304,509
	161,704,081	275,409,479	1,066,863	5,000,000	200,000	443,380,423
(-) Perbelanjaan	(85,944,074)	(7,275,653)	(538,997)	-	-	(93,758,724)
	75,760,007	268,133,826	527,866	5,000,000	200,000	349,621,699
3 Pindahan ke Kumpulanwang :						
Pembangunan	(38,418,107)	38,418,107	-	-	-	-
Pinjaman Komputer	(200,000)	-	-	-	200,000	-
Baki pada 31 Disember 2004	37,141,900	306,551,933	527,866	5,000,000	400,000	349,621,699
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Baki pada 1 Januari 2005	37,141,900	306,551,933	527,866	5,000,000	400,000	349,621,699
Geran Kerajaan	92,523,800	52,190,912	840,275	-	-	145,554,987
Pendapatan Lain	13,066,438	-	2,153	-	-	13,068,591
Pelarasan Tahun Lepas	148,480	-	-	-	-	148,480
	142,880,618	358,742,845	1,370,294	5,000,000	400,000	508,393,757
(-) Perbelanjaan	(103,174,600)	(13,637,738)	(590,585)	-	-	(117,402,923)
	39,706,018	345,105,107	779,709	5,000,000	400,000	390,990,834
Pindahan ke Kumpulanwang :						
Penyelidikan	(1,000,000)	-	1,000,000	-	-	-
Baki pada 31 Disember 2005	38,706,018	345,105,107	1,779,709	5,000,000	400,000	390,990,834
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005**

NOTA	2005	2004
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	2,667,481	(1,729,865)
Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana :		
Susutnilai	24,220,875	18,677,667
Pelarasan Tahun Lepas	148,480	-
Pelarasan Hartanah, Loji dan Peralatan	-	21,136,204
Keuntungan atas Pelupusan, Hartanah, Loji dan Peralatan	(50,104)	-
Kerugian atas Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	8,791	22,883
Lebihan operasi sebelum perubahan modal kerja	<u>26,995,523</u>	38,106,889
(Pertambahan) dalam Penghutang	(5,282,572)	(820,840)
(Pertambahan) dalam Pendahuluan, Deposit dan Prabayar	(4,671,291)	(913,230)
Pengurangan/(Pertambahan) dalam Pendapatan Terakru	82,931,357	(82,228,084)
(Pengurangan) dalam Pembiutang	(33,372,700)	(10,065,457)
Tunai Bersih dari/(untuk) Aktiviti Operasi	<u>66,600,317</u>	<u>(55,920,722)</u>
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan	(104,853,940)	(14,363,734)
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	<u>89,856</u>	-
Pembinaan dalam Kemajuan	25,455,711	(137,495,577)
Geran Tertunda	<u>38,553,174</u>	82,999,809
Tunai Bersih (untuk) Aktiviti Pelaburan	<u>(40,755,199)</u>	<u>(68,859,502)</u>
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Tunai dan Kesetaraan Tunai	25,845,118	(124,780,224)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	<u>38,217,717</u>	162,997,941
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	<u>16</u>	<u>64,062,835</u>
		<u>38,217,717</u>
Tunai dan Kesetaraan Tunai termasuk :		
Simpanan Tetap dan REPO	62,018,000	32,000,000
Tunai di Tangan dan di Bank	<u>2,044,835</u>	6,217,717
		<u>64,062,835</u>
		<u>38,217,717</u>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

1. OBJEKTIF/AKTIVITI UTAMA

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia telah ditubuhkan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) melalui Perintah Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (Pemerbadanan) 2001. Aktiviti utamanya ialah mengadakan, memajukan dan mengembangkan pelajaran tinggi dalam bidang sains dan teknologi dan bidang pengajian lain yang perlu, serta mengadakan penyelidikan, pengumpulan dan pemajuan pengetahuan dan penyebaran pengetahuan dalam bidang pengajian.

2. INSTRUMEN KEWANGAN

Objektif dan Polisi Pengurusan Risiko Kewangan :

Instrumen kewangan Universiti bergantung kepada kepelbagaian risiko kewangan termasuk risiko hutang, risiko kadar faedah, risiko pasaran, risiko kecairan dan aliran tunai.

Objektif pengurusan risiko kewangan Universiti adalah untuk mengenalpasti dan mengawal risiko yang terdedah kepada Universiti bagi meminimumkan atau mengelak kerugian kesan daripada risiko tersebut serta meningkatkan pulangan.

Pihak Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menangani risiko tersebut dengan menyediakan polisi serta prosedur untuk menguruskannya. Risiko-risiko tersebut diuruskan dengan cara sentiasa menyemak keadaan risiko semasa, sistem kawalan dalaman, mematuhi polisi risiko kewangan dan mendapatkan perlindungan insurans di mana perlu.

2.1 Risiko Kredit

Risiko kredit adalah risiko kerugian kewangan daripada kegagalan mematuhi akujanji oleh pihak yang mempunyai kontrak dengan Universiti. Universiti terdedah kepada risiko kredit terutamanya terhadap penghutang.

Risiko kredit ditentukan oleh pihak pengurusan yang menetapkan polisi, penilaian serta mengambil tindakan yang bersesuaian.

2.2 Risiko Kadar Faedah

Universiti tidak terdedah kepada risiko kadar faedah kerana ia tidak mempunyai aset jangka panjang yang menanggung faedah atau hutang yang menanggung faedah.

2.3 Risiko Tukaran Asing

Universiti beroperasi hanya di Malaysia dan dengan itu tidak terdedah kepada risiko tukaran asing.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

2.4 Risiko Kecairan dan Aliran Tunai

Universiti tidak memiliki profil hutang dan memiliki wang tunai atau aset yang boleh ditukarkan kepada tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan modal kerja.

3. DASAR PERAKAUNAN PENTING

3.1 Asas Perakaunan

Penyata Kewangan ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah. Penyata Kewangan mematuhi piawaian perakaunan yang diluluskan terpakai di Malaysia.

3.2 Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan meliputi yuran, hasil pelajar, sewaan, faedah, keuntungan dan hasil perkhidmatan.

Pendapatan diiktiraf atas dasar akruan kecuali untuk pendapatan ke atas pelaburan secara Al-Mudharabah yang diiktiraf hasilnya secara tunai.

Bayaran balik pecah kontrak perjanjian staf cuti belajar diiktiraf apabila bayaran berkenaan diterima dalam tahun berkenaan.

3.3 Pemberian Kerajaan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Semua pemberian daripada Kerajaan diakaunkan dalam Penyata Pendapatan apabila diterima kecuali pemberian daripada Kerajaan bagi maksud pembangunan.

Pemberian daripada Kerajaan bagi maksud pembangunan diakaunkan sebagai Peruntukan Pembangunan yang ditundakan dan direalisasikan setakat jumlah yang dibelanjakan.

3.4 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susutnilai

Hartanah, Loji dan Peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul. Hartanah, Loji dan Peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh diperolehi semula jika pada pendapat Lembaga Pengarah amaun tersebut adalah kurang daripada nilai buku bersih secara berkekalan. Amaun yang boleh didapatkan balik tidak ditentukan dengan kaedah nilai semasa aliran tunai yang dijangkakan. Tiada kos pemulihan yang dikenakan ke atas Hartanah, Loji dan Peralatan.

Hartanah, Loji dan Peralatan yang dibeli dengan nilai kurang daripada RM3,000, termasuk perabot yang bernilai kurang daripada RM1,000 dan perisian komputer yang bernilai kurang daripada RM5,000 diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

Susutnilai diperuntukkan berdasarkan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset meliputi anggaran jangka hayat kegunaannya.

Kadar susutnilai tahunan adalah seperti berikut :

Bangunan	2%
Infrastruktur	20%
Kenderaan	25%
Peralatan Pejabat	25%
Peralatan Komputer dan Perisian	25%
Peralatan Makmal	25%
Perabot	20%

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan sama rata sepanjang tempoh pajakan (sekiranya ada).

3.5 Pembinaan dalam Kemajuan

Pembinaan dalam kemajuan dinilai mengikut kos yang terlibat berdasarkan sijil bayaran kemajuan dan tiada susutnilai yang diperuntukkan. Apabila siap, kos pembinaan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada Hartanah, Loji dan Peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

3.6 Liabiliti Cukai Pendapatan

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia sedang memohon kelulusan Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri bagi pengecualian dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

3.7 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai adalah merangkumi tunai di tangan dan di bank serta simpanan tetap yang tidak dicagarkan untuk sebarang tujuan setelah ditolak bank overdraf, jika ada.

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA
NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2004 Kos	Tanah	Bangunan	Kemudahan Infrastruktur	Kenderaan	Peralatan Pejabat	Peralatan Komputer dan Perisian	Peralatan Makmal	Perabot	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2004	67,584,061	-	944,331	9,634,176	3,797,514	8,838,803	35,952,026	2,859,033	129,609,944
Tambahan	599,338	-	77,408	854,857	858,526	3,678,568	6,928,177	1,366,860	14,363,734
Pelarasan	(21,136,204)	-	-	-	-	-	-	-	(21,136,204)
Pelupusan	-	-	-	-	-	(11,410)	-	(23,345)	(34,755)
Baki pada 31 Disember 2004	47,047,195	-	1,021,739	10,489,033	4,656,040	12,505,961	42,880,203	4,202,548	122,802,719
<hr/>									
9 Susutnilai Terkumpul									
Baki pada 1 Januari 2004	-	-	375,135	4,679,683	2,146,569	3,767,164	13,768,174	771,265	25,507,990
Susutnilai	-	-	204,348	2,622,258	1,164,010	3,126,490	10,720,051	840,510	18,677,667
Pelarasan	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pelupusan	-	-	-	-	-	(7,203)	-	(4,669)	(11,872)
Baki pada 31 Disember 2004	-	-	579,483	7,301,941	3,310,579	6,886,451	24,488,225	1,607,106	44,173,785
<hr/>									
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2004	47,047,195	-	442,256	3,187,092	1,345,461	5,619,510	18,391,978	2,595,442	78,628,934

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2005 Kos	Tanah	Bangunan	Kemudahan Infrastruktur	Kenderaan	Peralatan Pejabat	Peralatan Komputer dan Perisian	Peralatan Makmal	Perabot	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki pada 1 Januari 2005	47,047,195	-	1,021,739	10,489,033	4,656,040	12,505,961	42,880,203	4,202,548	122,802,719
Tambahan	132,372	82,832,749	3,091,348	556,327	1,227,693	5,611,469	10,935,154	466,828	104,853,940
Pelupusan	-	-	-	(207,976)	(6,900)	(36,533)	-	(3,130)	(254,539)
Baki pada 31 Disember 2005	47,179,567	82,832,749	4,113,087	10,837,384	5,876,833	18,080,897	53,815,357	4,666,246	227,402,120
⁸ Susutnilai Terkumpul									
Baki pada 1 Januari 2005	-	-	579,483	7,301,941	3,310,579	6,886,451	24,488,225	1,607,106	44,173,785
Susutnilai	-	1,656,655	822,617	2,208,879	1,015,594	4,169,549	13,414,580	933,001	24,220,875
Pelupusan	-	-	-	(168,224)	(1,725)	(33,543)	-	(2,504)	(205,996)
Baki pada 31 Disember 2005	-	1,656,655	1,402,100	9,342,596	4,324,448	11,022,457	37,902,805	2,537,603	68,188,664
Nilai Buku Bersih pada 31 Disember 2005	47,179,567	81,176,094	2,710,987	1,494,788	1,552,385	7,058,440	15,912,552	2,128,643	159,213,456

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	2005 RM	2004 RM
5. PEMBINAAN DALAM KEMAJUAN		
Bangunan Kampus Tetap	155,092,575	180,820,625
Aset	945,254	672,915
	<u>156,037,829</u>	<u>181,493,540</u>
6. PENGHUTANG		
Penghutang Pelajar	6,197,923	1,242,791
Penghutang Pinjaman Jangka Pendek	61,300	18,900
Pelbagai Penghutang	2,561,398	2,276,358
	<u>8,820,621</u>	<u>3,538,049</u>
7. PENDAHULUAN, DEPOSIT DAN PRABAYAR		
Pendahuluan	50,206	66,497
Deposit	6,234,643	3,736,830
Prabayar	3,114,089	924,320
	<u>9,398,938</u>	<u>4,727,647</u>
8. SIMPANAN TETAP DAN REPO		
Simpanan Tetap di Bank Berlesen	30,018,000	-
REPO di Bank Berlesen	32,000,000	32,000,000
	<u>62,018,000</u>	<u>32,000,000</u>
Termasuk dalam Simpanan Tetap ialah simpanan bernilai RM18,000 yang disandarkan untuk Jaminan Bank bernilai RM18,000 kepada Jabatan Kerja Raya.		
9. PEMIUTANG		
Pelbagai Pemiutang	3,888,572	26,427,188
Deposit Diterima	25,630	12,294,036
Tabung/Amanah	1,795,916	1,234,209
Akaun Kawalan Penganjur	891,915	19,300
	<u>6,602,033</u>	<u>39,974,733</u>

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	2005 RM	2004 RM
10. KUMPULANWANG MENGURUS		
Pendapatan :		
Pemberian Kerajaan	92,523,800	71,168,200
Pelbagai Pendapatan	13,066,438	13,504,105
Pelarasan Tahun Lepas	148,480	-
	105,738,718	84,672,305
Tolak : Perbelanjaan		
Emolumen	(28,799,440)	(31,580,154)
Perkhidmatan dan Bekalan	(55,621,965)	(37,227,939)
Pemberian dan Bayaran Tetap	(4,826,708)	(3,760,368)
Perbelanjaan Lain	(714,144)	(623,990)
Susutnilai	(13,212,343)	(12,751,623)
	(103,174,600)	(85,944,074)
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	2,564,118	(1,271,769)
Baki pada 1 Januari	37,141,900	77,031,776
Pindahan ke Kumpulanwang Penyelidikan	(1,000,000)	-
Pindahan ke Kumpulanwang Pembangunan	-	(38,418,107)
Pindahan ke Kumpulanwang Pinjaman Komputer	-	(200,000)
Baki pada 31 Disember	38,706,018	37,141,900

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	2005 RM	2004 RM
11. KUMPULANWANG PEMBANGUNAN		
11.1 Penyata Pendapatan		
Geran Pembangunan yang Direalisasi	13,637,738	7,275,653
Pemberian Kerajaan - untuk Penyelidikan	500,000	-
Pindahan ke Kumpulanwang Penyelidikan	(500,000)	-
	13,637,738	7,275,653
Tolak :		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(2,697,418)	(1,381,959)
Susutnilai	(10,940,320)	(5,893,694)
	(13,637,738)	(7,275,653)
Lebihan Pendapatan	-	-
11.2 Geran Tertunda		
Baki pada 1 Januari	306,551,933	185,134,017
Tambah :		
Geran Pembangunan bagi tahun semasa	52,190,912	87,970,953
Pelarasan tahun lepas	2,304,509	-
Pindahan dari Kumpulanwang Mengurus	38,418,107	-
	358,742,845	313,827,586
Tolak :		
Belanja operasi projek yang tidak dipermodalkan	(2,697,418)	(1,381,959)
Susutnilai	(10,940,320)	(5,893,694)
	(13,637,738)	(7,275,653)
Baki Geran Tertunda pada 31 Disember	345,105,107	306,551,933
Jumlah Baki Kumpulanwang Pembangunan	345,105,107	306,551,933

Baki Kumpulanwang Pembangunan telah dinyatakan semula untuk tahun 2004 mengikut kaedah retrospektif berikutan kehendak piawaian perakaunan FRS 120 (MASB 31).

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	2005 RM	2004 RM
12. KUMPULANWANG PENYELIDIKAN		
Pendapatan :		
Pemberian Kerajaan	840,275	50,500
Pelbagai Pendapatan	<u>2,153</u>	<u>30,401</u>
	<u><u>842,428</u></u>	<u><u>80,901</u></u>
Tolak : Perbelanjaan		
Emolumen		(150)
Perkhidmatan dan Bekalan	(522,373)	(506,397)
Perbelanjaan Lain		(100)
Susutnilai	<u>(68,212)</u>	<u>(32,350)</u>
	<u><u>(590,585)</u></u>	<u><u>(538,997)</u></u>
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan	251,843	(458,096)
Baki pada 1 Januari	527,866	985,962
Pindahan dari Kumpulanwang Mengurus	<u>1,000,000</u>	-
Baki pada 31 Disember	<u><u>1,779,709</u></u>	<u><u>527,866</u></u>
13. KUMPULANWANG PINJAMAN KENDERAAN		
Baki pada 1 Januari	5,000,000	5,000,000
Baki pada 31 Disember	<u>5,000,000</u>	<u>5,000,000</u>
14. KUMPULANWANG PINJAMAN KOMPUTER		
Baki pada 1 Januari	400,000	200,000
Pindahan dari Kumpulanwang Mengurus	-	200,000
Baki pada 31 Disember	<u>400,000</u>	<u>400,000</u>
15. PEMBERIAN KERAJAAN		
Geran Mengurus	92,523,800	71,168,200
Geran Pembangunan yang Direalisasi	13,637,738	7,275,653
Geran Penyelidikan	<u>840,275</u>	<u>50,500</u>
	<u><u>107,001,813</u></u>	<u><u>78,494,353</u></u>

KOLEJ UNIVERSITI TEKNIKAL KEBANGSAAN MALAYSIA

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2005

	2005 RM	2004 RM
--	------------	------------

16. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Kolej Universiti telah menggunakan kaedah tidak langsung di dalam penyediaan penyata aliran tunai. Termasuk di dalam tunai dan kesetaraan tunai adalah jumlah yang termasuk dalam Lembaran Imbalan seperti berikut :

Simpanan Tetap dan REPO	62,018,000	32,000,000
Tunai di tangan dan di bank	<u>2,044,835</u>	6,217,717
Tunai dan Kesetaraan Tunai pada 31 Disember	<u><u>64,062,835</u></u>	<u><u>38,217,717</u></u>

17. KOMITMEN

Perbelanjaan yang diluluskan tetapi tidak diperuntukkan di dalam Penyata Kewangan :

Dilulus dan dikontrakkan	2,670,354	4,096,574
- Kumpulanwang Mengurus	18,306,665	13,419,237
- Kumpulanwang Pembangunan	76,883	22,863
Diluluskan		
- Kumpulanwang Mengurus	417,453,136	375,483
- Kumpulanwang Pembangunan	<u>438,507,038</u>	<u>509,401,743</u>
	<u><u>438,507,038</u></u>	<u><u>527,315,900</u></u>

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

18. BILANGAN STAF DAN PELAJAR

Bilangan staf pada 31 Disember 2005 adalah seramai 1,048 orang berbanding 1,010 orang pada 31 Disember 2004.

Bilangan pelajar pada 31 Disember 2005 adalah seramai 4,623 orang berbanding 4,063 orang pada 31 Disember 2004.

19. TANAH

Tanah adalah hakmilik Ketua Pengarah Tanah dan Galian dan proses pindah hakmilik masih dalam tindakan.


20. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan tahun lalu telah dipinda untuk disesuaikan dengan persembahan tahun ini.



اوینیورسیتی تیکنیکال ملیسیا ملاک

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



Hak Cipta Terpelihara 2006
Penerbit Universiti,
Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia